



RAKAM KENANGAN... Para penerima anugerah mengambil gambar kenangan bersama Dr Kamarudin Mustafa.

## Kakitangan UMS perlu utamakan kualiti perkhidmatan: Naib Canselor

NST 27.7.2019 3

KOTA KINABALU: Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dituntut untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat sepanjang berkhidmat di universiti.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, selaku penjawat awam setiap kakitangan perlu menjalankan amanah dengan penuh ikhlas dan bertanggungjawab.

"Saya berpendapat untuk cemerlang kita perlu lebih gigih berusaha kerana hasil kerja kini bukan lagi berdasarkan output atau bilangan kerja yang dihasilkan, tetapi lebih kepada hasil iaitu impak yang memberi nilai tambah dan peningkatan secara berganda kepada prestasi UMS.

"Bagi menjadikan kita sentiasa cemerlang, haruslah kita tanamkan dalam akal dan jiwa kita untuk menjadi kakitangan yang sentiasa dinamik, lestari dan berintegriti," katanya.

Beliau berucap demikian ketika menyempurnakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Universiti (AKU) 2018 di Dewan Resital UMS, di sini kelmarin.

Menurut Dr. Kamarudin, setiap warga UMS juga perlu menanam sikap bersatu hati, bekerjasama, bertoleransi, berhemah dan bertanggungjawab dalam sebarang tugas yang dijalankan.

Jelasnya, dalam menjalankan tugas seharian, kakitangan universiti harus bekerja sebagai satu keluarga dan menjadikan ia sebagai satu amalan dan budaya di UMS.

"Setiap orang memiliki kelebihan dan juga kekurangan. Dengan itu, sebagai satu keluarga kita tidak perlu malu atau segan untuk saling menasihati antara satu sama lain dan juga meminta bantuan atau memberi bantuan bila diperlukan.

"Kita perlukan sokongan moral dan fizikal dari semua peringkat bagi memastikan tugas dan tanggungjawab yang dilakukan dapat disiapkan mengikut masa dengan hasil yang berkualiti," ujarnya.

Dr. Kamarudin turut melahirkan rasa bangga dengan kerjasama dan komitmen kerja yang ditunjukkan oleh semua warga UMS sepanjang dua tahun memegang jawatan Naib Canselor.

"Untuk itu sebelum berundur diri, saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan kepada anda andainya terdapat kekhilafan yang pernah saya lakukan sepanjang memegang jawatan Naib Canselor ini.

"Kepada semua penerima anugerah, tahniah dan teruskan menabur bakti kepada UMS. Kekalkan kecemerlangan dalam pekerjaan, jadilah pekerja berkualiti dan mampu menghasilkan kecemerlangan

kepada universiti," katanya.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk K Y Mustafa; Pemangku Ketua Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftaran UMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Majlis AKU 2018 UMS, Nortir Sirin; serta Pegawai-pegawai Utama dan kanan universiti.

Pada majlis itu Dr. Kamarudin turut menyempurnakan penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2018 kepada 185 penerima merangkumi pelbagai skim jawatan di peringkat kakitangan sokongan dan pengurusan termasuk kakitangan akademik.

Beliau turut menyampaikan sembilan Anugerah Inovasi iaitu Anugerah Tokoh Kepimpinan, Anugerah Kumpulan Penggerak Inovasi, Anugerah Pengurusan Keunggulan Terbaik, Anugerah Penjana Pendapatan Terbaik, Anugerah Penerbitan Terbaik, Anugerah Laman Web, Anugerah Pengurusan Makmal Terbaik, Anugerah Pengurusan Organisasi Terbaik dan Anugerah Kreativiti EcoCampus.

Turut diraikan seramai 26 pesara dengan menerima Anugerah Jasamu Dikenang yang disampaikan oleh K Y Mustafa.



TAHNIAH...Dr Kamarudin (tepi kiri) menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada salah seorang penerima sambil disaksikan K Y Mustafa (dua kiri).